

05/10/1998

Umno perlu tegas singkir kumpulan berkepentingan

TELUK INTAN, Ahad - Kesemua 23 Umno bahagian di negeri ini diminta mengawasi kumpulan atau individu yang dikatakan mengambil kesempatan isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk kepentingan peribadi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata walaupun aduan rasmi berhubung perkara itu belum dibuat, langkah pengawasan perlu kerana ada tanda pihak berkenaan menanggung di air keruh demi mencapai agenda sendiri.

Menurutnya, golongan terbabit, tanpa diketahui Umno bahagian yang disertainya berbuat demikian bagi menjayakan niat yang tersirat di sebalik tindakan yang dilakukan.

Sehubungan itu katanya, kerjasama mengawasi dari Umno bahagian serta cawangan kepada Badan Perhubungan Umno negeri boleh dilakukan dengan menghantar laporan aktiviti golongan itu untuk tindakan lanjut.

"Saya yakin, pihak terbabit mempunyai tujuan tertentu termasuk mahu menonjolkan ketokohan kumpulan atau diri sendiri dalam Umno bahagian.

"Perkara itu tidak sepatutnya berlaku kerana kita sekarang menumpukan perhatian sepenuhnya memberi penerangan yang jelas mengenai isu pemecatan Anwar.

"Oleh itu, setiap Umno bahagian perlu bertindak tegas untuk mengetepikan kumpulan atau individu terbabit bagi mengelakkan isu baru timbul dalam parti," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) di sini, semalam.

Lebih 400 ahli BN termasuk Ketua Umno Bahagian Teluk Intan, Onn Hamzah hadir dalam perjumpaan itu.

Ramli yang juga Menteri Besar berkata, Umno mempunyai agenda besar bukan sahaja membantu mengatasi kegawatan ekonomi, malahan memberi keyakinan di kalangan rakyat mengenai kebenaran tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar dari semua jawatan kerajaan dan parti.

Sehubungan itu, katanya, ahli jangan mudah percaya tuduhan pihak tertentu yang mendakwa terdapat Umno bahagian di negeri ini menyokong Anwar.

Katanya, dakwaan itu tidak benar kerana semua bahagian di Perak dari awal lagi menyatakan pendirian tegas menyokong tindakan Dr Mahathir.

(END)